

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
TINGKAT 9-14, BANGUNAN U.M.B.C.,
JALAN SULAIMAN,
KUALA LUMPUR.

13HB. MEI, 1975.

Tuan,

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 4 TAHUN 1975

Penubuhan Majlis Bersama Jabatan

Adalah dimaklumkan bahawa melalui [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5/1973](#), Kerajaan telah membuat keputusan untuk menghidupkan semula jentera perundingan dalam perkhidmatan Kerajaan yang telah digantung sejak tahun 1969. Satu daripada jentera perundingan yang telah ditubuhkan ialah Majlis Bersama Jabatan. Tujuan ditubuhkan Majlis itu ialah bagi mendapatkan kerjasama di antara Pihak Majikan (yakni Jabatan Kerajaan sebagai wakil resmi Kerajaan) dan Pihak Pekerja di dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kelicinan kerja dan kebajikan pekerja-pekerja di pejabat yang berkenaan. Melalui Majlis Bersama Jabatan itu soal mengenai syarat-syarat bekerja, memperbaiki perjalanan kerja dan organisasinya, dan secara am, buah fikiran serta syor-syor daripada pekerja-pekerja mengenai perkara-perkara sepertinya untuk kebaikan perjalanan pentadbiran dapat dibincang dan keputusan diambil.

2. Semenjak Pekeliling Perkhidmatan itu diterbitkan beberapa Jabatan telah mengambil tindakan untuk menubuhkan Majlis Bersama Jabatan dan Jabatan ini telah difahamkan bahawa di setengah-setengah Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan jentera perundingan ini sudah berjalan dengan memuaskan. Di samping itu pula Jabatan ini telah menerima beberapa sungutan daripada pekerja bersabit dengan jentera untuk berunding ini oleh kerana ada Ketua-ketua Jabatan yang enggan untuk menubuhkannya itu walaupun keputusan Kerajaan untuk menubuhkan jentera yang sedemikian telah lama terbit. Memandangkan kepada perlunya Majlis Bersama Jabatan ditubuhkan bagi tujuan yang telah dihuraikan itu Jabatan ini menyeru Ketua-ketua Jabatan yang belum lagi mengadakan Majlis Bersama Jabatan supaya mengambil langkah-langkah yang wajar untuk menubuhkan jentera perundingan tersebut.

3. Sekiranya ada Jabatan yang menghadapi sebarang masalah mengenainya Ketua Jabatan itu hendaklah berhubung dengan Jabatan Perkhidmatan Awam; Jabatan ini bersedia memberi kerjasama, nasihat dan apa-apa bantuan yang diperlukan.

Saya yang menurut perintah,

(S. VELOO)

Bahagian Gaji,

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan

Awam,

Malaysia.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Pengarah Jabatan.

Semua Ketua Pengarah Badan-Badan Berkanun dan Kuasa-Kuasa Tempatan.

Semua Setiausaha Kerajaan Negeri.